MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG

lwn.

ISA ABDUL RAHMAN & YANG LAIN

MAHKAMAH AGUNG, KUALA LUMPUR
MOHD. JEMURI SERJAN HMA
MOHD. YUSOFF MOHAMED HMA
EUSOFF CHIN HMA
[RAYUAN SIVIL NO. 02-329-91]
5 MEI 1992

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Wakaf am sehubungan dengan Masjid Jamek dan tanahnya - Pertikaian terhadap hakmilik tanah tersebut - Cadangan merobohkan masjid dan mendirikan bangunan komersial - Samada bertentangan dengan wakaf am dan kemahuan pewasiat - Kuasa enakmen Undang-undang Islam Pulau Pinang - Sekatan-sekatan dalam hal-hal pembinaan dan pencerobohan bangunan-bangunan masjid di bawah enakmen tersebut.*

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi berkekalan untuk mencegah pencerobohan Masjid - Samada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi Pulau Pinang mempunyai bidangkuasa membicarakan tuntutan ini - Mahkamah mana yang berkuasa mengeluarkan perintah injunksi - Status Mahkamah Tinggi dalam situasi ini dan bidangkuasanya.*

Responden (plaintif) telah membuat tuntutan terhadap perayu melalui writ saman untuk mendapatkan perintah-perintah berikut daripada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang:

(a) satu pengisytiharan bahawa cadangan defendan untuk merobohkan Masjid Jamek Hj. Abdul Wahab adalah bercanggah dengan Undang-undang dan hukum syarak.

(b) satu pengisytiharan bahawa dibawah wakaf am pihak defendan tidak mempunyai hak untuk merobohkan masjid tersebut semata-mata kerana tujuan perobohan tersebut adalah bercanggah dengan hukum syarak.

(c) satu pengisytiharan bahawa defendan tidak layak untuk merobohkan masjid tersebut tanpa mendapat restu dan keizinan daripada waris-waris dan umat Islam Pulau Pinang termasuk plaintif.

(d) satu injunksi untuk mencegah defendan atau ejen-ejennya daripada merobohkan masjid tersebut dan memberhentikan daripada melakukan segala penyediaan-penyediaan awal untuk merobohkan masjid berkenaan seperti ujian-ujian tanah dan sebagainya.

Perayu (defendan) telah memasukkan satu permohonan saman dalam kamar untuk menepikan saman atau tuntutan plaintif. Permohonan ini telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi. Lalu rayuan dibuat kepada Hakim yang mengesahkan keputusan Penolong Kanan Pendaftar. Perayu selanjutnya membuat rayuan kepada Mahkamah Agong.

Isu utama disini ialah samada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi Pulau Pinang mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan ini dan mengeluarkan perintah injunksi yang dipohon dan peranan dan bidangkuasa Mahkamah Tinggi dalam kes seperti ini.

Diputuskan:
[1] Memandangkan peruntukan dalam Bahagian III Akta Relief Spesifik 1950, hanya Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa mengeluarkan perintah injunksi. Perbicaraan tuntutan responden untuk mendapat injunksi berkekalan terpaksa didengari oleh Mahkamah Tinggi.

[2] Kuasa perayu merobohkan masjid melibatkan peruntukan s. 108 Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (Pulau Pinang) dan adalah benar menyatakan Mahkamah Kadi boleh mentafsirkan seksyen ini dan apa-apa Undang-undang bertulis melainkan ada peruntukan menegahnya. Walau bagaimanapun, s. 108 bukanlah menjadi asas tuntutan responden ini.

[3] Pentafsiran wasiat dan wakaf tidak juga menjadi isu kes ini. Soalnya ialah samada tujuan wakaf terjejas dengan perlaksanaan rancangan perayu. Mahkamah sivil adalah forum untuk membicarakan tuntutan-tuntutan untuk mendapatkan mana-mana perintah yang tidak jatuh dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Jika kerumitan mengenai hukum syarak timbul sewaktu perbicaraan, pakar-pakar ugama Islam boleh diperuntukkan hadir memberi penjelasan ataupun pihak Mahkamah boleh merujuk soalan-soalan kepada Majlis Fatwa.

[Rayuan ditolak dengan kos.]

[**English Translation** of Headnote]

ISLAMIC LAW: *General wakaf given in relation to a mosque and its grounds - Dispute regarding the ownership of the lots in the parcel of land - Plans to demolish the mosque and erect a commercial building - Whether against the spirit of the general wakaf and the intentions evinced in the will of the original proprietor of the land - The Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (Pulau Pinang) - Restrictions in enactment regarding the construction and demolition of mosques.*

CIVIL PROCEDURE: *Permanent injunction to prevent the demolition of a mosque - Whether the Mahkamah Kadi Besar or the Mahkamah Kadi of Penang have the jurisdiction to try the dispute and grant an injunction - The jurisdiction of the High Court in such a situation.*

The respondent (plaintiff) had filed a writ of summons against the appellant and prayed for the following orders from the High Court, Penang.

(a) a declaration that the defendants intention to demolish the Masjid Jamek Hj. Abdul Wahab is contrary to law and hukum syarak.

(b) a declaration that under a general wakaf (wakaf am) the defendant has no right to demolish the said mosque mainly because the purpose of demolishing the mosque is contrary to hukum syarak.

(c) a declaration that the defendant is not entitled to demolish the said mosque without the blessings and consent of the beneficiaries and the Muslims of Penang including the plaintiff.

(d) an injunction to restrain the defendant or his agents from demolishing the said mosque and to stop them from carrying all initial preparatory work to demolish the said mosque, such as considering soil tests and so on.

On 9 January 1991 the appellant (defendant) through a summons in chambers applied to have the aforesaid writ and the plaintiffs' claim set aside. The Senior Assistant Registrar dismissed the appellants' summons in chambers. The appellant appeared before the Judge who upheld the decision of the Senior Assistant Registrar. The appellant then appealed to the Supreme Court.

The central issue was the appropriate forum for the trial of the dispute and the grant of the injunction; whether the Mahkamah Kadi Besar or the Mahkamah Kadi in Penang had the jurisdiction to hear the matter and the role and jurisdiction of the High Court in applications of this nature.

Held:

[1] In view of Part III of the Specific Relief Act 1950, only the High Court is conferred with the jurisdiction to grant an injunction. The respondent's application for a perpetual injunction will have to be heard and tried in the High Court.

[2] Any question of interpretation of the will and the "wakaf" does not arise in this case. The issue here is whether the "wakaf" would be jeopardized by the uniplementation of the appellants' plans. The Civil Court is the proper forum for hearing claims which pray for orders which fall outside the jurisdiction of the Syariah Court to grant. Any intricacies involving the "hukum syarak" arising during the trial may be solved by seeking the attendance of expert witnesses in Islamic Law. In addition, the Courts may refer any queries pertaining to Islamic Law to the Fatwa Council.

[3] The appellants' intentions to demolish the mosque involve s. 108 of the Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (Pulau Pinang). Although it would be within the jurisdiction of the Mahkamah Kadi to interpret the section and any other written law save where there are specific provisions forbidding the Court to do so, the case at hand is not concerned with s. 108 in the sense that s. 108 does not form the basis of the respondents' claim.

[Appeal dismissed with costs.]

Perundangan yang dirujuk:
Subordinate Courts Act 1948, ss. 69, 93
Specific Relief Act 1950, s. 51(2)
Federal Constitution, art. 121(1A)
Administration of Muslim Law Enactment (Penang) 1959, ss. 40(3)(b), 108

Bagi pihak perayu - Ghazi Ishak; T/n. Presgrave & Matthews
Bagi pihak responden - Hj. Sulaiman Abdullah (M. Athimulan bersamanya); T/n. Kumar, Sitham & Co.

PENGHAKIMAN

Eusoff Chin SCJ:

Pada 6 December 1990 responden (plaintif) telah melalui writ saman membuat tuntutan terhadap perayu untuk mendapatkan perintah-perintah berikut daripada Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang.

(a) satu pengisytiharan bahawa cadangan defendan untuk merobohkan Masjid Jamek Hj. Abdul Wahab adalah bercanggah dengan Undang-undang dan hukum syarak.
(b) satu pengisytiharan bahawa di bawah wakaf am pihak defendan tidak mempunyai hak untuk merobohkan masjid tersebut semata-mata kerana tujuan perobohan tersebut adalah bercanggah dengan hukum syarak.
(c) satu pengisytiharan bahawa defendan tidak layak untuk merobohkan masjid tersebut tanpa mendapat restu dan keizinan daripada waris-waris dan umat Islam Pulau Pinang (benefisiari) termasuk plaintif.
(d) satu injunksi untuk mencegah defendan atau ajen-ajennya daripada merobohkan masjid tersebut dan memberhentikan daripada melakukan segala penyediaan-penyediaan awal untuk merobohkan masjid berkenaan seperti ujian-ujian tanah dan sebagainya.

Pada 9 Januari 1991 perayu (defendan) telah memasukkan satu permohonan melalui saman dalam kamar supaya writ saman dan tuntutan plaintif diketepikan. Pada 23 Mac 1991 Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi menolak permohonan perayu. Perayu membuat rayuan kepada Hakim yang mengesahkan keputusan Penolong Kanan Pendaftar itu. Perayu selanjutnya membuat rayuan ke Mahkamah Agung.

Responden pertama Isa bin Abdul Rahman menyatakan dalam tuntutannya dan tidak dinafikan oleh perayu, bahawa dia ialah seorang waris bagi tuan tanah asal Pegangan 6, 318 dan 578 P.B. 16 D.T.L. Pulau Pinang yang telah membina masjid yang dinamakan Masjid Jamek Hj. Wahab dalam tahun 1889, dan tuan tanah asal telah mewakafkan tanah dan masjid itu sebagai wakaf am. Perayu tidak mempertikaikan bahawa tanah dan masjid itu telah diwakafkan sebegitu tetapi menyatakan bahawa masjid itu terdiri di atas tanah Pegangan 318 sahaja, dan tanah Pegangan 318 telah diletak hak kepada pihak perayu melalui perintah Mahkamah pada 1 Disember 1989.

Perenggan 10, 14 dan 16 pernyataan tuntutan responden menyatakan:

> 10. Plaintif-plaintif menyatakan dengan tegas bahawa cadangan untuk merobohkan masjid tersebut adalah bertentangan dengan hasrat dan tujuan sebenar wakaf am tersebut yang dibuat oleh pewasiat serta rancangan tersebut adalah bercanggah dan berlawanan dengan terma-terma dan syarat-syarat amanah.
>
> 14. Plaintif-plaintif menekankan tindakan defendan adalah bertentangan dengan undang undang dan peraturan peraturan yang sedia ada. Sungguhpun masjid tersebut terletak di bawah kawalan pihak defendan namun Undang Undang dibawah enakmen pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang tidak memberi kuasa yang sewenang-wenang untuk meruntuhkan sesebuah bangunan masjid tanpa mengambilkira lain-lain faktor yang mustahak seperti hasrat sebenar pewasiat dalam membuatkan wakaf am, kepentingan umum, pandangan umum dan akibat-akibat buruk yang mungkin tercetus daripada tindakan defendan. Defendan telah gagal untuk memberi pertimbangan yang sewajar dan setimpal ke atas faktor-faktor yang tersebut di atas.
>
> 16. Masjid tersebut telah dibina pada tahun 1889 dan pewasiat telah menyatakan dengan khusus di dalam wasiat bahawa tanah tersebut hanya untuk masjid sahaja semata-mata dan buat selama-lamanya. Rancangan defendan adalah bertentangan dengan kemahuan dan keinginan pewasiat tersebut memandangkan defendan ingin merobohkan masjid tersebut dan menggantikan dengan sebuah bangunan untuk tujuan komersial.

Daripada pernyataan tuntutan responden, adalah jelas bahawa perintah sebenar yang dikehendaki oleh responden ialah satu injunksi berkekalan untuk mencegah perayu atau agen-agennya daripada meroboh masjid tersebut dan menahan perayu daripada melakukan segala penyediaan awal merobohkan masjid itu dan mendirikan sebuah bangunan komersial di tempat itu. Alasan yang diberi oleh responden untuk mendapat perintah ini ialah bahawa cadangan dan tujuan perayu untuk merobohkan masjid itu bertentangan dengan Undang-undang dan hukum syarak; dan juga perayu tidak berkelayakan untuk meroboh masjid itu tanpa mendapat restu dan keizinan daripada waris-waris pewakaf dan umat Islam di Pulau Pinang.

Perlu diteliti samada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi Pulau Pinang mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan ini dan mengeluarkan perintah injunksi yang dipohon. Jika Mahkamah-Mahkamah itu mempunyai bidangkuasa untuk berbuat sedemikian, Mahkamah Tinggi adalah ditegah oleh fasal 121(lA) Perlembagaan Persekutuan daripada membicarakan tuntutan responden itu.

Bidangkuasa Mahkamah Kadi Besar adalah seperti yang diberikan oleh s. 40(3)(b) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, 1959 Pulau Pinang yang menyatakan:

> 40(3) Maka hendaklah Mahkamah Kadi Besar:
>
> (b) Dalam takluk kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua perkara-perkara dan perbicaraan-perbicaraan yang di antara pihak-pihak itu semuanya berugama Islam dan yang berkenaan dengan:
>
> (i) Pertunangan, nikah, cerai, pembatalan nikah, perceraian mengikut hukum Mahkamah atau nusuz;

(ii) Sesuatu pemberian atau tuntutan harta benda yang terbit daripada mana-mana perkara yang tersebut di dalam perenggan kecil (i) bagi perenggan ini ;
(iii) Nafkah orang-orang yang di bawah tanggungan, pengesahan, penjagaan, atau pemeliharaan kanak-kanak yang belum cukup umur;
(iv) Pembahagian harta sepencarian di antara orang-orang yang hidup;
(v) Wakaf atau nazar; atau
(vi) Lain-lain perkara yang diberikan takluk kuasa kepadanya oleh mana-mana Undang-undang yang bertulis.

Mahkamah Kadi pula mempunyai bidangkuasa yang sama, tetapi dihadkan kepada perkara-perkara yang tidak melebihi seribu ringgit.

Perenggan (i) hingga (iv) memberikan bidangkuasa kepada Mahkamah Kadi Besar membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan sahaja.

Peguam-peguam yang bijaksana bagi kedua-dua pihak semasa berhujah tidak dapat memberitahu Mahkamah adakah Undang-undang bertulis yang lain yang ada memberi kuasa untuk Mahkamah Kadi Besar atau Kadi membicarakan tuntutan mendapat injunksi.

Selepas meneliti peruntukan-peruntukan lain dalam Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Pulau Pinang, adalah didapati bahawa Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan perintah injunksi seperti yang dipohon oleh responden.

Perkara injunksi diperuntukkan didalam Bahagian III Akta Relif Spesifik 1950, dan kuasa mengeluarkan perintah injunksi hanya diberi kepada Mahkamah Tinggi. Malahan Mahkamah-Mahkamah Sesyen dan Majistret adalah ditegah oleh s. 69 dan 93 Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92) daripada membuat perintah injunksi samada injunksi berkekalan atau pun sementara.

Daripada apa yang dinyatakan tadi, jelas bahawa tuntutan responden untuk mendapat injunksi berkekalan hanya boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi sahaja.

Seksyen 51(2) Akta Relif Spesifik, 1950 menyata-kan seperti berikut:

> 51.(2) A perpetual injunction can only be granted by the decree made at the hearing and upon the merits of the suit; the defendant is thereby perpetually enjoined from the assertion of a right, or from the commission of an act, which would be contrary to the rights of the plaintiff.

(51. (2) Injunksi berkekalan hanya boleh diberi melalui dekri yang dibuat selepas perbicaraan dan berdasarkan kepada merit guaman; dengan yang demikian defendan adalah ditegah selama-lamanya daripada membuat tuntutan hak atau daripada melakukan apa-apa tindakan yang bertentangan dengan hak-hak plaintif).

Benar bahawa tuntutan responden (plaintif) ada melibatkan soal wasiat dan wakaf. Tetapi tuntutan responden yang sebenar dan utama bukannya pentafsiran wasiat atau wakaf. Daripada pernyataan tuntutan responden dan afidavit bagi pihak perayu, kami dapati bahawa soal samada wakaf yang dibuat oleh tuan tanah itu sah atau tidak, tidak menjadi isu dan tidak pula dipertikaikan oleh perayu. Apa yang dipertikaikan ialah samada tujuan wakaf terjejas apabila masjid itu dirobohkan dan satu bangunan bukan masjid didirikan di atas tanah berkenaan. Kami berpendapat bahawa apabila sesuatu Mahkamah Sivil membicarakan tuntutan untuk mendapat sesuatu perintah (dan perintah yang dituntut bukan dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan) maka Mahkamah Sivil hendaklah membicarakan tuntutan itu dan jika soal mengenai hukum syarak timbul semasa perbicaraan, pihak-pihak

terlibat boleh memanggil pakar-pakar ugama Islam untuk memberi keterangan dalam perbicaraan itu; atau pun pihak Mahkamah boleh merujuk soalan-soalan kepada Majlis Fatwa berkenaan untuk mendapat kepastian.

Satu lagi perkara yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak ialah mengenai kuasa perayu meroboh masjid dan mendirikan satu bangunan bukan masjid diatas tanah berkenaan. Ini melibatkan peruntukan s. 108 Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (Pulau Pinang) yang menyatakan:

> 108. The Majlis may for sufficient reason close or demolish any mosque and may, where any mosque has been demolished and it is not intended to build another mosque on the same site and it is in the opinion of the Majlis no longer possible to use such site for other religious purposes, sell and dispose of such site, but the proceeds of any such sale shall be earmarked for the erection, maintenance or repair of mosques, and no other purposes.

(108. Maka bolehlah Majlis dengan sebab yang cukup, menutup atau merobohkan sesebuah masjid dan boleh, manakala sebuah masjid telah pun diroboh dan tidak ada cadangan hendak mendirikan sebuah masjid yang lain di atas tapak itu juga, dan pada fikiran Majlis tidak boleh lagi menggunakan tapak itu bagi lain-lain maksud ugama, menjual dan menyelesaikan perkara tapak itu, akan tetapi pendapatan daripada jualan itu hendaklah disimpan tertentu bagi membangun, menjaga atau membaiki masjid-masjid dan tidak bagi maksud-maksud yang lain.)

Peguam yang bijaksana bagi perayu mengatakan bahawa Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa mentafsirkan peruntukan seksyen ini. Kami bersetuju bahawa mana-mana Mahkamah boleh mentafsirkan apa-apa jua seksyen Undang-undang bertulis yang terlibat didalam sesuatu perbicaraan melainkan ada peruntukan menegahnya berbuat demikian. Tetapi s. 108 bukannya asas tuntutan responden. Seksyen 108 adalah menjadi satu daripada sebab-sebab untuk menyokong responden mendapatkan perintah injunksi berkekalan terhadap perayu.

Tidaklah berkesan bagi responden mendapat perintah-perintah deklarasi seperti dipohon jika perintah-perintah itu tidak dapat dilaksanakan dengan perintah injunksi berkekalan.

Memandangkan Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan perintah injunksi yang di pohon oleh responden, kami berpendapat bahawa permohonan responden hendaklah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

Kami menolak rayuan ini dengan kos. Wang deposit rayuan diberi kepada responden terhadap taksiran kos.

Also found at [1992] 3 CLJ 1675